

# Tarikan gadis Asli

Metro 14/9/12 MS 49.

## Tiga wanita pribumi contoh generasi muda lebih menarik, tak lagi berimej selekeh

>>Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

**K**UANTAN: Walaupun semakin ramai Orang Asli memegang jawatan penting termasuk bergelar individu profesional seperti doktor, masih ramai beranggapan mereka tidak menarik selain sering dikaitkan dengan pelbagai kekurangan.

Bukan sedikit warga Orang Asli dipinggirkan setiap kali mahu mendekati diri dengan masyarakat luar menyebabkan ada antara mereka lebih senang bergaul sesama sendiri.

Namun, siapa sangka Orang Asli juga ada tarikan tersendiri dan tiga gadis keturunan Temuan serta Jakun mungkin mampu mengubah persepsi serta pandangan luar terhadap masyarakat berkenaan.

Tanpa perlu kahwin campur, pasangan kembar berusia 19 tahun, Monaliza dan Noraniza Idris dari suku kaum Temuan serta Emy Noraziah Atan, 25, dari suku kaum Jakun ternyata

mempunyai iras wajah manis setanding gadis yang bukan daripada kalangan Orang Asli.

Jiwa Monaliza, Noraniza dan Emy Noraziah sama seperti gadis seusia mereka dan penggunaan pelbagai produk kecantikan yang mula menjadi pilihan membuatkan wajah mereka cantik dan tiada bezanya dengan masyarakat bukan pribumi itu.

Monaliza mengakui kemajuan dinikmati masyarakat Orang Asli kini antara faktor membuat mereka mengubah penampilan lebih menarik.

Menurutnya, sebelum ini masyarakat Orang Asli terutama gadis malu untuk bercampur dengan masyarakat lain hingga terus ketinggalan dan tidak mengikut peredaran masa.

Namun, katanya, kini mereka semakin maju apabila menerima pendidikan.

"Dengan tahap pendidikan Orang Asli yang meningkat, kami juga sedar dan mula mengambil berat soal kecantikan.

"Wajah yang dulu kusam dan lesu kini berseri dengan



**AYU...pasangan kembar, Noraniza (kiri) dan Monaliza mengakui gadis Orang Asli kini pentingkan kecantikan.**

bantuan pelbagai produk kecantikan moden.

"Generasi muda Orang Asli tidak lagi terkongkong di kampung dengan mengamalkan cara hidup turun-temurun, pemalu serta ketinggalan daripada arus kemajuan negara.

"Kerjaya yang kami capai dalam sektor awam dan swasta

turut menyumbang kepada perubahan penampilan lebih menyerlah hingga mengikis imej selekeh yang sering dikaitkan dengan Orang Asli," katanya yang tinggal di Kampung Sungai Merjuk, Bentong.

Adiknya, Noraniza yang bercita-cita membabitkan diri dalam sektor pelancongan ber-

kata, generasi muda Orang Asli hari ini jauh berubah berbanding sebelumnya hasil pendidikan dilaksanakan kerajaan.

Menurutnya, untuk penampilan lebih menarik, sifat malu dan rendah diri perlu dikikis selain sentiasa mengikut perkembangan dunia luar.

"Ketika di sekolah menengah saya bergaul dengan rakan Melayu, Cina dan India. Daripada mereka saya belajar menghias diri supaya lebih menarik.

"Bermula dari situ saya mengubah penampilan hingga ada yang tidak tahu saya berketurunan Orang Asli," katanya.

Kakitangan Kolej Komuniti Rompin, Emy Noraziah Atan berkata, tuntutan tugas sebagai pembantu perpustakaan memerlukan dia sentiasa perlu menarik dan selesa dipandang.

Dia yang berketurunan Jakun menegaskan, generasi muda Orang Asli hari ini jauh berubah apabila sudah berani berfesyen.



**"Saya berbangga menjadi generasi muda Orang Asli yang mampu mengikut arus perkembangan semasa tanpa melupakan asal usul"**

>Emy Noraziah Atan

"Saya berbangga menjadi generasi muda Orang Asli yang mampu mengikut arus perkembangan semasa tanpa melupakan asal usul.

"Penerimaan baik rakan Melayu menambahkan semangat saya untuk berusaha tampil lebih menarik," katanya.